



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**


NAMA KURSUS : UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN
KOD KURSUS : DSM 2083
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2019
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Jawab **SEMUA** soalan bahagian A di dalam kertas jawapan objektif.
Jawab **ENAM(6)** soalan bahagian B di dalam buku jawapan.
Jawab **SATU(1)** soalan bahagian C di dalam buku jawapan yang disediakan.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 7 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab **SEMUA** dalam Kertas Jawapan Objektif

1. Apakah maksud penipuan?
 - A Pernyataan positif yang tidak benar tetapi dipercayai benar.
 - B Balasan atau janji yang belum dilaksanakan tetapi akan dilaksanakan.
 - C Menyatakan satu fakta yang tidak benar yang dilakukan dengan niat untuk memperdaya atau mendorong pihak lain berkontrak dengannya.
 - D Kenyataan yang dibuat seseorang tanpa niat menipu tetapi berlaku pelanggaran kewajipan dipihaknya tanpa diniatkan dan pelanggaran kewajipan ini memberi faedah kepadanya.

2. Apakah Akta yang mentadbir undang-undang agensi di Malaysia?
 - A Akta Agensi 1950.
 - B Akta Kontrak 1950.
 - C Akta Pekerjaan 1950.
 - D Akta Bil Pertukaran 1950.

3. Manakah antara seksyen berikut mentakrifkan kontrak jualan barang di bawah Akta Jualan Barangan 1957?
 - A Seksyen 2 Akta Jualan Barangan 1957.
 - B Seksyen 6 (1) Akta Jualan Barangan 1957.
 - C Seksyen 5 (2) Akta Jualan Barangan 1957.
 - D Seksyen 4 (1) Akta Jualan Barangan 1957.

4. Apakah maksud bagi *caveat emptor* di dalam undang-undang jualan barang?
- A Pembeli hendaklah berjaga-jaga.
 - B Penjual hendaklah berjaga-jaga.
 - C Penjual mestilah pemilik sah barang.
 - D Penjual mestilah mempunyai hak untuk menjual barang.
5. Manakah antara berikut tidak perlu dipatuhi pemilik semasa memasuki perjanjian sewa beli?
- A Membayar deposit kepada penyewa.
 - B Menyediakan perjanjian secara bertulis.
 - C Meminta penyewa menandatangani perjanjian yang lengkap.
 - D Memberikan satu salinan perjanjian kepada penyewa dan penjamin dalam masa 21 hari.
6. Manakah antara berikut **bukan** undang-undang tidak bertulis di Malaysia?
- A Perlembagaan Negeri.
 - B Undang-undang Adat.
 - C Undang-undang Islam.
 - D Doktrin Duluhan Kehakiman.
7. Manakah antara berikut tujuan pemalangan cek dibuat?
- A Nilai cek bertambah.
 - B Mengelakkan penipuan.
 - C Menjadikan cek sah di sisi undang-undang.
 - D Menandakan kepada bank bahawa cek tersebut merupakan cek khas.

8. Manakah antara berikut **bukan** elemen kontrak insurans?
- A Janji.
 - B Membayar duit.
 - C Apabila berlakunya kejadian yang tidak menentu.
 - D Boleh dilakukan dalam bentuk lisan atau bertulis.
9. Berapakah jumlah maksimum sebuah perkongsian?
- A 5 orang.
 - B 9 orang.
 - C 7 orang.
 - D 20 orang.
10. Manakah antara berikut **bukan** remedi bagi pecah kontrak?
- A Injuksi.
 - B Ratifikasi.
 - C Ganti rugi.
 - D Perlaksanaan spesifik.

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TUJUH(7)** soalan.

Jawab **ENAM(6)** soalan sahaja. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Dengan menggunakan contoh-contoh dan kes-kes berkaitan, huraikan konsep pelawaan tawaran.

(10 Markah)

SOALAN 2

Matlamat utama kontrak jualan barang-barang adalah untuk memindah milikkan hak terhadap sesuatu barangan itu dengan balasan wang. Sekiranya balasan yang diberikan adalah sesuatu selain daripada wang (harga), maka kontrak berkenaan tidak dianggap sebagai kontrak jualan barang-barang.

Huraikan **lima(5)** jenis kontrak yang tidak dianggap sebagai kontrak jualan barang-barang.

(10 Markah)

SOALAN 3

Secara umumnya, undang-undang boleh diklafikasikan kepada Undang-undang Awam, Undang-undang Persendirian dan Undang-undang Antarabangsa.

Terangkan mengenai Undang-undang Awam dan Undang-undang Antarabangsa.

(10 Markah)

SOALAN 4

Berikan maksud perkongsian di bawah Akta Perkongsian 1961 dan jelaskan **tiga(3)** elemen yang membentuk sebuah perkongsian.

(10 Markah)

SOALAN 5

Balasan merupakan salah satu elemen penting yang membentuk sebuah kontrak yang sah. Balasan mestilah mempunyai unsur timbal balik iaitu pihak-pihak yang berkontrak mestilah mempunyai balasan masing-masing.

Nyatakan maksud balasan di bawah Akta Kontrak 1950 dan huraikan **tiga(3)** jenis balasan berserta dengan contoh.

(10 Markah)

SOALAN 6

Terangkan **lima(5)** tanggungjawab ejen terhadap prinsipal.

(10 Markah)

SOALAN 7

Huraikan maksud waranti tersirat dan jelaskan waranti tersirat di bawah Akta Sewa Beli 1967.

(10 Markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **DUA(2)** soalan.

Jawab **SATU(1)** soalan sahaja. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Brandon bercadang untuk membeli sebuah kereta Ferrari. Walau bagaimanapun, dia tidak mempunyai duit yang mencukupi untuk membeli kereta idamannya itu secara tunai. Dia datang berjumpa kamu dan meminta nasihat mengenai pembentukan perjanjian sewa beli yang sah di sisi undang-undang serta hak penyewa dalam perjanjian tersebut.

(20 Markah)

SOALAN 2

Madi baru sahaja membuka akaun semasa di Bank Maju. Dia ingin mengetahui mengenai jenis-jenis cek dan pemalangan yang boleh dilakukan pada cek. Dia juga meminta kamu melakarkan pemalangan cek tersebut supaya dia dapat memahaminya dengan mudah.

(20 Markah)

[20 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT